



SHUHANIZA SAID | BERITA HARIAN

PELAJAR meninjau buku tajaan ITNM, KarnaDya, Alaf 21, Buku Prima dan PTS yang dijadikan hadiah Kuiz Jawab & Menang di Universiti Malaysia Pahang, baru-baru ini.

*BH (Sastera) 1/02/2011 (Sulasa) ms 27*

# Gerai Berita Harian kena serbu


Oleh Shuhaniza Said  
bhsastera@bharian.com.my

**G**ERAI Berita Harian (BH) bersempena Sayembara Lagu Puisi Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2011: Apakah Dosaku di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, baru-baru ini, diserbu pelajar sekolah menengah yang hadir menyaksikan pertandingan terbabit.

Lebih 500 pelajar di sekitar Kuantan yang hadir pada majlis terbabit merebut kesempatan menjawab Kuiz Jawab dan Menang sehingga hadiah tajaan berupa buku dan novel terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM), Alaf 21, Karnadya Solutions Sdn Bhd, Buku Prima dan PTS Publications and Publishings Sdn Bhd, habis dalam masa setengah jam.

Pelajar Tingkatan Empat, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kuantan, Fatin Liyana Ahmad Nadzri yang mengambil kesempatan menjawab soalan kuiz, berpuas hati dengan acara terbabit kerana ia memberi kesempatan kepada pelajar yang hadir sempena sayembara itu menimba pengalaman.

"Acara ini dapat memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai kesan daripada perbuatan membuang bayi dan membuat kita berfikir dua kali sebelum melakukan perkara buruk. Generasi muda memerlukan bimbingan orang dewasa khususnya ibu bapa dalam mengharungi kehidupan serba mencabar," katanya kepada *Sastera*, selepas



Hafiz Syarifuddin

acara berakhir.

Sebanyak 13 IPTA bertanding pada pertandingan yang julung kali diadakan UMP, Kementerian Pengajian Tinggi, Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Pejabat Timbalan Naib Canselor UMP dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

Pelajar Tingkatan Lima MRSM Kuantan, Hafiz Syarifuddin, pula berkata acara seumpama itu sangat bagus kerana pelajar dapat mesej yang boleh dijadikan panduan dalam mengharungi kehidupan hari muka dan segera sedar sekiranya ada hasrat untuk melencong.

"Peperangan terbesar dalam diri manusia adalah perang menentang hawa nafsu. Jadi jangan biarkan nafsu serakah menguasai diri kita. Ingatlah, sebagai remaja kita mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap ibu bapa yang meletakkan segunung harapan untuk melihat kita berjaya kelak," katanya.

Pelajar Tingkatan Satu, Sekolah Berasrama



Fatin Liyana



Muhammad Akram

Penuh Integrasi (SBPI) Tun Abdul Razak, Muhammad Akram Saadeddin, pula melihat acara seumpama itu sebagai inisiatif yang bagus bagi menyedarkan masyarakat mengenai masalah pembuangan bayi yang kian berleluasa.

"Pada saya, antara faktor gejala buang bayi adalah kurangnya didikan agama atau moral. Justeru, ibu bapa perlu membimbing anak mereka, di samping pihak berwajib juga perlu melakukan pelbagai inisiatif bagi membendung masalah terbabit," ujarnya.